

10 JUN 2002

MAHATHIR-SWITZERLAND/I

NEGARA MAJU TIDAK BOLEH KENAKAN SYARAT KETELUSAN YANG MENYUSAHKAN, KATA PM

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

ZURICH, 11 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri berkata negara-negara maju tidak boleh mengenakan syarat-syarat ketelusan yang boleh menyusahkan dari segi skop dan amalan, walaupun Malaysia bersetuju yang syarat-syarat domestik yang kukuh perlu dilaksanakan bagi memastikan kestabilan dan pengurusan yang berhemah sektor kewangan.

"Malaysia tidak boleh mengguna pakai pendekatan "satu peraturan sesuai untuk semua" kerana negara-negara membangun khususnya, memerlukan syarat-syarat yang seimbang dengan tahap pembangunan mereka," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga merupakan Menteri Kewangan.

Beliau berkata demikian pada majlis makan malam bersama masyarakat perniagaan Switzerland di sini pada hari Isnin, anjuran Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) bersempena dengan lawatan rasmi tiga hari ke negara itu.

Dalam ucap tama bertajuk "Meningkatkan Hubungan Perdagangan Malaysia-Switzerland", perdana menteri berkata adalah penting yang perundingan Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) mengenai perkhidmatan tidak berdasarkan sepenuhnya kepada kenyataan yang isu utamanya ialah liberalisasi perdagangan, tetapi lebih kepada meningkatkan pembangunan ekonomi negara, terutamanya negara-negara membangun.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir berkata negara-negara maju seperti Switzerland bertanggung jawab untuk memastikan di bawah beberapa peruntukan yang perundingan itu secara ekonominya akan memberi manfaat kepada negara-negara membangun.

Beliau menambah ini termasuklah mengukuhkan kapasiti domestik negara-negara membangun dan juga membantu negara-negara ini mendapatkan akses pasaran untuk pembekal perkhidmatan mereka.

Dr Mahathir juga menyentuh terhadap penekanan masyarakat antarabangsa yang masih lagi terikat ke arah meningkatkan ketelusan oleh sektor awam, terutamanya di negara-negara membangun.

"Malaysia berpendapat yang peningkatan ketelusan oleh sektor swasta seperti institusi-institusi berleveraj tinggi (HLI) dan pusat kewangan luar pesisir (OFC) dan agensi penarafan kredit adalah sama penting dalam usaha mempromosikan pasaran kewangan yang lebih cekap dan stabil.

"Negara-negara tidak patut dipaksa mengguna pakai standard dan kod yang mungkin tidak relevan," kata beliau.

Perdana menteri berkata Malaysia menyedari yang mematuhi standard dan kod antarabangsa adalah penting bagi meningkatkan lagi kestabilan kewangan tetapi ini patut terus dilaksanakan berdasarkan kemahuan sendiri.

Beliau berkata pertimbangan patut diberikan kepada perbezaan keadaan dan keutamaan khusus sesebuah negara dari segi tahap pembangunan dan struktur ekonomi dan kukuhan sektor kewangan.

Dr Mahathir berkata perundingan WTO mengenai perkhidmatan disokong oleh prinsip liberalisasi yang progresif dan sehubungan dengan itu, negara-negara maju tidak sepatutnya mengharap yang Malaysia akan membuka pasaran dalam keadaan yang mana tidak bersesuaian dengan situasi kewangan dan perkembangannya.

"Secara ringkasnya, Malaysia akan meliberalisasikan pasaran setakat mana yang disanggupi oleh pasarannya," tambah beliau.

Menyentuh mengenai saingan hasil daripada globalisasi dan liberalisasi kewangan, perdana menteri berkata Malaysia berpendapat yang inisiatif tambahan terhadap aliran masuk modal amat perlu di peringkat antarabangsa,

serantau dan nasional.

Beliau berkata yang pada peringkat antarabangsa contohnya, perhatian boleh diberikan dengan meningkatkan lagi peranan pemantauan dan pengawasan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam mempromosi dan menjaga kestabilan kewangan antarabangsa dan menggalakkan penzahiran oleh para peserta pasaran, termasuklah HLI.

Pada peringkat serantau pula, pengawasan serantau dan pengaturan kewangan boleh diperbaiki lagi sementara penyusunan liberalisasi akaun modal dan kerangka pengurusan berisiko pada peringkat nasional boleh dipertingkatkan, kata beliau.

Sementara itu, menyentuh mengenai kerjasama perniagaan Malaysia-Switzerland, perdana menteri mempelawa para pelabur Switzerland mempertimbangkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka bagi menampung pasaran-pasaran Asia-Pasifik.

Beliau berkata terdapat potensi kerjasama antara perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Switzerland dan Malaysia menerusi perhubungan perindustrian bagi memenuhi permintaan import perindustrian multinasional dan perbadanan berskala besar untuk pasaran domestik, serantau dan global.

"Saya suka menggesa supaya syarikat multinasional dan PKS Switzerland menjalinkan kerjasama dengan PKS Malaysia yang telah diasuh menjadi pembekal-pembekal global menerusi pelbagai program berasaskan inisiatif awam-swasta," tambah beliau.

Beliau turut mencadangkan yang pengendali pelancongan Switzerland dan Malaysia meninjau kemungkinan memperluaskan lagi kapasiti pengembaraan dengan mengendalikan penerbangan "charter" ke destinasi-destinasi seperti Langkawi, Sabah dan Sarawak di Malaysia.

Sementara itu, institusi pembelajaran dan latihan tinggi boleh berkongsi ilmu pengetahuan mereka mengenai teknologi dan perkhidmatan Switzerland menerusi program berkembar dan program latihan dan pertukaran di Malaysia, kata beliau.

-- BERNAMA

MFJ MKO FR AA